

23 JUN 2002

Razaleigh-Mahathir

TENGGU RAZALEIGH MINTA SEMUA PIHAK HORMATI KEPUTUSAN DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 23 Jun (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah meminta rakyat termasuk anggota Umno supaya menerima hakikat bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada suatu hari nanti, akan melepaskan juga jawatan yang disandangnya sekarang.

"Akhirnya semua orang akan melepaskan jawatan termasuk kita sendiri tidak akan kekal. Hakikat itu kita kena terima dan kita kena bersedia menerimanya," katanya kepada pemberita sejurus tiba di lapangan terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, di sini hari ini dari Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, katanya kepimpinan Umno sekarang perlu membuat persediaan untuk menerima amanah dan tanggungjawab itu apabila Perdana Menteri memutuskan secara muktamad untuk melepaskan jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

Tengku Razaleigh, yang juga Anggota Parlimen Gua Musang, mengulas pengumuman Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan Presiden Umno dan Pengerusi BN semalam hingga mengejutkan dan mencemaskan semua pihak dalam Umno dan negara.

Perdana Menteri pada akhir Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur, yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen, mengumumkan keputusannya meletakkan jawatan itu tetapi menarik balik keputusannya selepas dirayu oleh anggota-anggota Majlis Tertinggi Umno.

Tengku Razaleigh, yang bersama-sama beberapa pemimpin utama Umno memujuk Dr Mahathir menarik balik keputusannya itu, berkata semua pihak perlu menghormati sebarang keputusan yang dibuat oleh Dr Mahathir termasuk pendiriannya untuk berundur.

"Dr Mahathir seorang pemimpin besar. Saya percaya beliau sebagai pemimpin yang luas pengalaman sudah tentu memikirkan semuanya," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata Umno dan orang Melayu juga berhak untuk meminta Dr Mahathir menimbangkan keputusannya itu dan menghormati keputusan parti yang memintanya supaya kekal memegang semua jawatan sedia ada.

Mengenai kesan negatif berhubung perkara yang berlaku itu, Tengku Razaleigh berkata kesan itu sedikit sebanyak ada "tetapi tidak ada benda yang kita tak boleh atasi".

-- BERNAMA

RAR NAK